



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

LAPORAN PROSIDING

JAWATANKUASA PILIHAN

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG
NEGARA

**MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERIHAL
PEROLEHAN KAPAL PERONDA
GENERASI KEDUA**

Kementerian Pertahanan Malaysia (MinDef)

- (i) YBhg. Dato' Sri Muez bin Abdul Aziz, Ketua Setiausaha MinDef
 - (ii) Y.Bhg. Laksamana Tan Sri Dato' Sri (Dr.) Abdul Aziz bin Haji Jaafar, Mantan Panglima Tentera Laut.
-

BIL. 01(E)

KHAMIS, 29 JULAI 2021

PENGGAL KE-3, PARLIMEN KE-14

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
KHAMIS, 29 JULAI 2021**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*
YB. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]
YB. Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YBhg. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha*
YB. Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]
YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut]
YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]
YB. Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Nurul Nadiha binti Zamani [Penolong Setiausaha Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara (JAN)

Puan Norliza Bte Md Nuruddin @ Nordin [Pengarah Audit (Sektor Audit Kewangan)]
Encik Dr. Mohd Daniel bin Mohd Nassir [Ketua Penolong Pengarah Audit]

Kementerian Kewangan (MOF)

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha (Unit Kawalan dan Pemantauan) (Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi)]
Encik Muhammad Harith bin Abdul Rahim [Penolong Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Jabatan Peguam Negara**

Tuan Allauddin bin Mohd Tahir [Ketua Unit Teknologi Maklumat dan Kewangan
(Bahagian Penasihat)]

Jabatan Akauntan Negara

Puan Nadzemah binti Mohd Som [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi
Pusat dan Agensi)]

Unit Perancang Ekonomi (UPE)

Encik Khairil Wari bin Abd Rani [Timbalan Pengarah I (Bahagian Keselamatan dan
Ketenteraman Awam)]

SAKSI**Kementerian Pertahanan**

YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz [Ketua Setiausaha]

YBhg. Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Hj. Jaafar [Mantan Panglima Tentera
Laut]

YBhg. Datuk Hj. Ruji bin Hj. Ubi [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)]

YBhg. Kepten Abdul Jamal bin Mohd Nasir [Ketua Pengarah Pasukan Projek LCS]

Puan Kogila Devi a/p Radakrishnan [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Perolehan)]

Encik Syahizwan bin Osman [Penolong Setiausaha (Bahagian Perolehan)]

Encik Mohamad Al Hafeez bin Mohd Shahrin [Pegawai Khas kepada Ketua Setiausaha]

Leftenan Kolonel Sazili bin Ghazali [Pembantu Ketenteraan kepada Ketua Setiausaha]

Leftenan Mohd Fedaus bin Mat Salleh [Pegawai Perhubungan Luar Markas Tentera Laut]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KETIGA

Khamis, 29 Julai 2021

Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.33 pagi

*[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, okey. Boleh ya? Okey. Selamat pagi dan salam sejahtera dan selamat datang saya ucapkan kepada Ahli-ahli PAC sekalian. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat ini dan juga terima kasih kepada kesemua ex-officio yang telah hadir untuk empat hari berturut-turut. Dari AGC, JPA, JAN, MOF, SPRM, Jabatan Akauntan Negara dan Unit Perancang Ekonomi (JPM).

Yang Berhormat Ahli-ahli mesyuarat sekalian, pagi ini PAC akan meneruskan prosiding kita. Prosiding yang keempat. Isu pembelian enam buah kapal *littoral combat ship* (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bernilai RM9 bilion di bawah Kementerian Pertahanan (MinDef).

Izinkan saya untuk memberikan sedikit penerangan ringkas berhubung dengan isu ini memandangkan kali terakhir kita mengadakan prosiding adalah pada 16 Disember yang lepas. So, lebih kurang tujuh bulan sudah, lebih daripada tujuh bulan, telah pun lepas. Isu perolehan kapal LCS TLDM dilaporkan dalam LKAN 2019, Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan yang dibentangkan kepada PAC pada 5 November 2020.

PAC kemudian bersetuju memulakan prosiding berhubung isu ini dengan memanggil Yang Berbahagia Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, KSU MinDef pada 18 November. Selepas mendengar Yang Berbahagia Dato' Sri KSU, PAC kemudian memanggil Yang Berbahagia Prof. Tan Sri Dr. Ambrin Buang, Pengerusi Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan pada 1 Disember 2021 bagi membentangkan penemuan jawatankuasa berkenaan kepada PAC.

Lanjutan daripada makluman diperoleh daripada JKSTUPKK, PAC kemudian memanggil pasukan projek LCS pada 16 Disember. Hadir di hadapan PAC pada pagi ini adalah Yang Berbahagia Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, KSU MinDef, selaku pegawai pengawal Kementerian. Terima kasih kerana hadir. Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Hj. Jaafar, Mantan Panglima Tentera Laut, tempoh perkhidmatan dari 1 April 2008 sehingga 17 November 2015 dan Yang Berbahagia Datuk

Hj. Ruji bin Hj. Ubi, TKSU Pembangunan MinDef. Terima kasih kerana hadir sebagai saksi dalam prosiding ini.

Untuk pengetahuan semua ahli mesyuarat, jawatankuasa ini sudah dimaklumkan bahawa pembekalan enam buah kapal LCS TLDM ini adalah perolehan yang terbesar dalam sejarah TLDM dan juga MinDef bernilai RM9.128 bilion. Sehingga 28 Oktober yang lepas, Kerajaan telah membayar sebanyak RM6.083 bilion.

Tempoh pelaksanaan perolehan projek ini selama 10 tahun dari 3 Oktober 2012 sehingga 2 Oktober 2013. TLDM sepatutnya menerima penyerahan kapal LCS 1 pada April 2019 dan sehingga Oktober 2020, peratus penyiapan kapal adalah seperti berikut:

- (i) LCS 1 adalah sekitar 64 peratus;
- (ii) LCS 2 sebanyak 60.39 peratus;
- (iii) LCS 3 adalah sebanyak 53.39 peratus;
- (iv) LCS 4 sebanyak 48.49 peratus;
- (v) LCS 5 sebanyak 36.2 peratus; dan
- (vi) LCS 6 tiada kemajuan.

Dalam pembentangan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan, nama Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz turut dimaklumkan sebagai antara Panglima TLDM yang berkhidmat ketika dalam proses LCS sedang dibina.

Maka, dengan itu, saya juga ingin memaklumkan kepada saksi-saksi dan juga kementerian yang hadir bahawa dengan SOP yang ditetapkan oleh MKN, kita telah tetapkan setiap kementerian ataupun saksi hanya dihadkan kepada tiga orang dalam bilik. Untuk mereka yang di luar bilik, bolehlah panggil mereka pada bila-bila masa sekiranya saksi-saksi hendak mendapatkan apa-apa jenis bantuan ataupun penjelasan atau pengesahan.

Selepas itu, mereka yang tidak ada di dalam ini— Mereka yang masuk ke dalam Dewan ini boleh keluar semula dan kita boleh teruskan dengan prosiding kita. Saya ingin mendapatkan kerjasama daripada semua kementerian dalam perkara ini. Maka, tanpa membuang masa, biarlah kita teruskan prosiding ini dengan menjemput Yang Berbahagia Dato' Sri KSU untuk memberikan perkembangan terkini mengenai pembinaan kapal LCS.

Selepas itu, diikuti dengan Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz. Dipersilakan Yang Berbahagia Dato' Sri Muez.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz [Ketua Setiausaha]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat PAC. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang kita sedia maklum, kapal LCS ini, *Littoral Combat Ship* yang kita— Yang dibina oleh pihak

Boustead Naval Shipyard (BNS) ini adalah seperti yang dimaklumkan itu, antara projek yang besarlah untuk makluman Yang Berhormat. Untuk menyiapkan kapal tersebut, iaitu sebanyak enam unit kapal.

Akan tetapi, setakat ini belum ada lagi yang siaplah. Setakat ini, seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi, sepatutnya 14 April 2019, *at least* kita sudah terima satu buah kapal. Akan tetapi dari segi— dan kalau ikut pada tahun ini, tiga buah kapallah. *By October this year, we should receive* tiga buah kapal. Akan tetapi, dalam— oleh sebab ada beberapa perkara yang pernah saya jelaskan sebelum inilah Yang Berhormat.

■1040

Seperti yang saya dipanggil pada 18 November tahun lepas, dari segi bayaran, status bayaran. Saya rasa pihak PAC pun telah dimaklumkan, Yang Berhormat ya. Jadi, tidak perlulah saya hendak *detail* kan kaedah dan sebagainya. Cuma, saya hendak maklumkan hari ini dari segi statuslah. Status terkini hala tuju berkaitan kapal ini. Untuk makluman semua Ahli-ahli Yang Berhormat PAC, kita telah *by hook or by crook* terpaksa teruskan pembinaan kapal tersebut walaupun kita sudah dibayar, dimaklumkan lebih kurang *about RM6 billion out of RM9 billion* untuk kapal tersebut. Jadi, pihak Kementerian telah mengemukakan satu permohonan kepada Majlis Jemaah Menteri (MJM) untuk mendapatkan hala tuju dan *way forward*, hendak *stop* ke kapal tersebut? Hendak teruskan kah? Oleh kerana dari segi *progress* nya seperti yang dimaklumkan tadi, untuk kapal yang pertama itu adalah lebih kurang— dari segi *progress* yang kita telah— lebih kurang 60 *percent* Yang Berhormat ya, untuk kapal yang pertama tersebut.

Jadi, dari segi kontrak kita sudah dapat keputusan pada 5 Mei 2021. MJM telah bersetuju supaya kontrak dengan Boustead Naval Shipyard (BNS)— ada beberapa keputusan kita telah terima. Antaranya, Kerajaan akan melantik Boustead Technology Services (BTS). Ada satu *company* ia buat— atau kita— BTS, ya. Jadi, kontrak dengan Boustead itu akan ditamatkan, dengan BNS yang sedia ada sekarang ini. Disambung pula dengan satu entiti iaitu Boustead Technology Services secara rundingan terus bagi memutuskan dan menyiapkan pembinaan enam buah LCS tanpa dana tambahan daripada Kerajaan. Itu keputusan tersebut. Antara itu, kalau saya boleh bacakan *detail* nya. Bukti dana RM4 bilion dalam tempoh tiga bulan sebelum projek diteruskan. Maknanya, pihak Boustead kena *come out* dengan pembuktian dana berjumlah RM4 bilion tambahan. Ia bukan daripada baki tersebutlah. Kalau ikut secara kasarnya, ada lebih kurang RM3 bilion lagi, Yang Berhormat. Jadi, ia kena *come out* dengan RM4 bilion dengan diuruskan sendiri oleh pihak BTS tersebut.

Harga menyiapkan projek tertakluk kepada semakan harga semula oleh makmal pengurusan nilai (*value management lab*). Baki nilai kontrak tidak digunakan sebagai *remobilization fee* atau pembayaran hutang– pembayaran mengikut kemajuan kerja. Bukan untuk tujuan tersebutlah. Kalau hendak digunakan RM3 bilion tersebut untuk katalah– kita sudah dimaklumkan ada beberapa OEM yang tidak dibayar hutang, Yang Berhormat pun sedia maklumlah ya. Ada lebih kurang 24 OEM yang sedang menuntut, ada yang telah mengemukakan saman dan sebagainya.

Jadi, tidak boleh gunakan dana yang RM3 bilion itu untuk menyelesaikan hutang-hutang yang sebelum ini. *Detailed design* siap dan muktamadkan sebelum– itu syaratnyalah iaitu sebelum Januari 2022. *The detailed design* yang kita banyak bincang sebelum ini, Yang Berhormat. Tentang *detailed design*, kenapa tidak siap dan sebagainya. Saya dimaklumkan *detailed design* ini sudah siap lebih kurang 80 *percent*. Kena dimuktamadkan *by January 2022*. Pembayaran kemajuan projek terus kepada OEM atau kontraktor. Maknanya, Kerajaan akan buat bayaran terus, bukan kepada pihak BTS atau entiti yang baru ini tetapi akan dibayar terus kepada pembekal, peralatan, kontraktor dan sebagainya. *Direct*. Selepas itu, pembayaran kemajuan projek– okey *sorry*, maaf.

Perbincangan kontrak *Littoral Combat Ship* (LCS)– pertama sahaja untuk tempoh tiga– untuk pertimbangan projek ini bagi tiga tahun untuk dari segi *maintenance* dan sebagainya– untuk tiga tahun yang pertama sahaja diputuskan dahulu.

Tuan Pengerusi: Apa maksud tiga tahun?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Maksudnya Tuan Pengerusi, bila kapal itu siap, jadi dari segi *in-service support* untuk kapal tersebut akan dibuat oleh pihak Boustead untuk tempoh tiga tahun sahaja dulu.

Tuan Pengerusi: Pihak Boustead di sini adalah BTS?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: BTS, ya *the new entity* itulah. Boustead Technology Services. Isu Boustead Heavy Industries Corporation (BHIC) dan Boustead Naval Shipyard (BNS) diselesaikan sebelum diklasifikasikan di bawah *Practice Note 17* itulah. Jadi, kalau berkaitan dengan BHIC itu– penubuhan jawatankuasa khas dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara (KSN) bagi tujuan pemantauan. Maknanya, bila– keputusan Kerajaan di mana pemantauan di peringkat yang lebih *high level committee* selain daripada MinDef ini, akan ditubuhkan satu jawatankuasa pemantauan yang akan dipengerusikan sendiri oleh KSN. Itu keputusan MJM. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, jawatankuasa kerja teknikal, kontrak perolehan enam buah kapal untuk tentera laut ini telah ditubuhkan pada 29 Jun diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU). Ini dalaman untuk peringkat MinDef, Yang Berhormat Datuk. Jawatankuasa ini akan berfungsi seperti berikut,

memastikan pelaksanaan kontrak LCS adalah berdasarkan keputusan MJM. Kita hendak pastikan apa keputusan MJM itu kita akan pastikan dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkaitan.

Melaporkan kemajuan hala tuju *all these things* lah. Maknanya, ia mengesyorkan pelaksanaan kontrak LCS. Jadi, di pihak Kementerian saya sudah melantik saya punya Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan untuk melaksanakan tindakan yang perlu diambil hasil daripada keputusan 5 Mei tersebut. Itulah hala tuju yang terkini Yang Berhormat, yang boleh saya maklumkan. Jadi, proses sedang berjalanlah, Yang Berhormat. Antara yang secara umumnya yang saya boleh cakapkan, pihak BTS kena *come out* dengan dana, hendak *complete* bukan siapkan satu, bukan siapkan dua, *the whole ship* itu, untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berbahagia Dato' Sri Muez bin Abd Aziz. Bagi saya, saya cuma hendak dapatkan pengesahan. Nombor satu, keputusan daripada MinDef adalah tidak boleh ada perbelanjaan tambahan yang lebih daripada RM9 bilion? So, nombor dua adalah sekarang BTS kena *come out with a detailed design* sebelum Januari 2022?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Betul, Yang Berhormat. Mereka kena *complete* kan *detailed design* itu.

Tuan Pengerusi: *Okay, I have a few questions here.* Nombor satu, kontrak dengan BNS telah pun ditamatkan secara *official*?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Belum lagi, Yang Berhormat. Dalam proseslah, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi itu kontrak itu akan ditamatkanlah, ya? Dengan persetujuan kedua-dua pihak?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Okey. Apakah beza antara BTS dengan BNS? Memandangkan kedua-duanya pun anak syarikat Boustead, itu nombor satu. Nombor dua, sekiranya kontrak dengan BNS ditamatkan, sama ada Kerajaan memperoleh apa-apa *remedy*? Oleh kerana adalah jelas Boustead dalam isu ini memang *they are in breach of the agreement*. So, itu soalan kedua. Soalan ketiga adalah kita tahu bahawa BNS ada hutang kepada kontraktor ataupun OEM, jumlah yang besar. Itu menyebabkan BNS tidak dapat meneruskan projek mereka. Sekiranya sekarang diambil alih oleh BTS, apakah yang akan dilakukan oleh BTS, *so that all these OEMs would not come after the project and would not come after BTS*? Sebab *at the end of the day*, suka atau tidak suka, *it looks like BTS and BNS* ini walaupun *different entity* dari segi undang-undang tetapi *it looks like the same*. So,

itu tiga soalan daripada saya, Yang Berbahagia Dato' Sri Muez bin Abd Aziz. Mungkin Yang Berbahagia Dato' Sri Muez bin Abd Aziz boleh berikan penjelasan dahulu sebelum saya menjemput Ahli-ahli yang lain. Terima kasih.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Mungkin Timbalan Ketua Setiausaha saya boleh tambah sedikit.

■1050

Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi [Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertahanan]: Terima kasih Yang Berbahagia Dato' Sri, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, Yang Berbahagia Tan Sri Aziz dan juga ahli-ahli ex-officio.

Soalan yang pertama, untuk makluman Tuan Pengerusi, kedua-dua masih di bawah entiti yang sama, di bawah Boustead Holdings Berhad. Walaupun kita tamatkan dengan BNS, *actually BNS still got a few contracts with MinDef. Contohnya, refit some of our ships, still. But, the termination* itu nanti hanya untuk kontrak LCS. Itu yang pertama.

Kedua, BTS ini diwujudkan, kalau ikut cadangan kedua-dua pihak, untuk mengelakkan atau pun mengurangkan *trust deficit* yang telah ada pada BTS. BTS ini dianggap sebagai *new entity* yang mana pihak Boustead disyaratkan, *within three months after the appointment of BTS* selepas *the termination of BNS*, dia kena *come out* dengan apa yang disebut oleh Dato' Sri tadi.

Jadi, untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC, ada dua *conditions* yang saya *try to simplify* untuk soalan yang pertama ini. Satu, untuk makluman Tuan Pengerusi, Dato' Sri KSU, *I lead the taskforce*. Kita tengah *working on the notice of breach*. Pertama. Kita kena *proper*, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, *before we go for notice of termination*. Jadi, *after the termination of BNS*, barulah proses BTS itu dibuat. Jadi menjawab persoalan Tuan Pengerusi, kedua-duanya adalah dua entiti, tetapi kita tamatkan dengan BNS. Tak bermaksudnya tamat dengan BNS, BNS akan tutup? Tak ya. Dia masih ada kontrak-kontrak lain— *refit* di Lumut, Labuan, Sandakan. *Refit* kapal-kapal kita yang lain. Akan tetapi BTS ini, *as a new entity*, dia *try to come out* dengan *to raise fund* untuk terbitkan sukuk, kalau *presentation* dia kepada pihak MinDef. *That is why* kaedah ini yang dipohon dan telah dibincangkan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Datuk, *would they actually really help in improving the— what we called just now?* Apa perkataan yang digunakan? Defisit apa? *[Disampuk] Trust deficit*.

Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi: Ya.

Tuan Pengerusi: *Trust deficit* ke atas Boustead. *Because even before looking at the SSM, before looking at the board of directors and the shareholdings, we know by name it is the same company. So, how does that work? I really cannot get that lah.* Bagaimana dengan adanya BTS, kita boleh *reduce* kan *trust deficit* terhadap *the whole project* dan juga terhadap BNS *as a whole*? Sebab, *at the end, the name itself is already Boustead. If you put another name likes Alpha Technologies Sdn. Bhd. or something, without looking at the SSM, then maybe we still know that this might be another company. But, this is clearly the same company. So, I really cannot get that.*

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Saya nak tambah sikit, Tuan Pengerusi ya. Ini *some of the* kaedahlah untuk *way forward*, Tuan Pengerusi, untuk *take off this project*. Kita faham BNS sedang menghadapi masalah dari segi untuk menyiapkan kapal ini. Contohnya dari segi dengan berapa tuntutan yang masih belum dapat dijelaskan kepada beberapa *subcontractors, suppliers* dan sebagainya. Jadi, selaras dengan keputusan Kerajaan atau Kabinet pada 5 Mei tersebut, telah bersetuju dengan cadangan kertas dari MinDef itu supaya pihak Boustead *to come out* dengan satu entiti yang baharu.

Fasal mungkin seperti yang dikatakan oleh Datuk TKSU saya tadi, dengan ada entiti baharu ini— kerana dia nak *raise fund* itu, Tuan Pengerusi, dengan jumlah lebih kurang RM4 bilion dalam tempoh tiga bulan. Kalau menggunakan dengan *setup* yang sedia ada, dengan BNS dengan beberapa kemelut yang ada di situ, mungkin menyukarkan bagi merekalah untuk nak *raise fund*, nak fokus untuk *continue to complete* enam buah kapal tersebut, Tuan Pengerusi. Tidak ada apa *injection* kepada Kerajaan. Jadi, dengan ada entiti baharu tersebut, mungkin oleh sebab *fresh*— walau saya tahu BTS itu masih lagi *100 percent owned by Boustead Holdings Berhad*, Tuan Pengerusi.

Jadi, berbalik juga soalan Tuan Pengerusi supaya OEM tidak— jadi, komitmen dari segi liabiliti pembayar hutang itu akan terus— tanggungjawab itu akan diteruskan untuk membayar hutang-hutang tersebutlah. Tidak terlepaslah. Dengan penubuhan BTS itu bukan bermakna tanggungjawab tuntutan tersebut terlepas dari pihak Boustead. Mungkin dari segi strategi mereka untuk *continue*, yang ini untuk *raise fund* dan sebagainya, lebih baik ditubuhkan satu entiti baharu fokus untuk *raise fund* dan juga untuk *complete* kan kapal tersebut. *It is 100 percent owned by Boustead.*

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Permatang Pauh, kebimbangan saya adalah begini. Kita sudah ada satu kontrak yang ditandatangani *way back in 2010, 2011* dengan BNS. Sekiranya perjanjian itu ditamatkan, maka *at the end, the Government may not have any recourse or remedy against BNS* dan kita masukkan satu perjanjian baharu dengan BTS.

Saya memang faham *we have to look for the way forward*. Akan tetapi, katakan *worst case scenario*, BTS tidak dapat *deliver*. *After the first contract was terminated with BNS, you cannot go after BNS. You cannot go after BNS to say that, "Okay, look, I still have some other projects with you. So, I offset my kerugian with you on the other projects". No, you cannot do that already, sebab the first contract telah pun ditamatkan. Then, what you can go, you can go after BTS.* Akan tetapi BTS, apa yang dia ada kita tak tahu. *Whether the shareholders or the directors will give a personal guarantee for the execution, kita pun tak tahu.*

So, I think, this is my kebingungan. I hope the Ministry can take note. So, Dato' Sri...

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Betul, Tuan Pengerusi. Kita setuju pandangan Tuan Pengerusi itu. *Exactly* apa pandangan MinDef, sama juga, Tuan Pengerusi. Bukan bermakna dia nak terlepas, Tuan Pengerusi. Bila dia *come out* dengan satu entiti baharu, tanggungjawab, komitmen dia dengan beberapa penghutang (*creditors*) dia itu— kita sedang menyusul perkara-perkara tersebut, Tuan Pengerusi, dengan kami punya *legal advisor* dan sebagainya untuk memastikan tanggungjawab itu tidak terlepas. Bukan bermakna— kami pun setuju, kita tak mahu berlaku keadaan di mana bila dah ada, dia nak lari daripada tanggungjawab yang asal tersebut bila kita sudah *terminate* kontrak. Bila dah *terminate* kontrak itu, Tuan Pengerusi, kita akan teruskan *new contract* pula dengan entiti yang baharu atau BTS itu dengan mengambil kira segala obligasi tanggungjawab tersebut, Tuan Pengerusi. Itu kita sedang susun dengan *our legal* dari kedua-dua belah pihak.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih Dato' Sri Muez. Saya jemput Datuk Ruji.

Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi: Tuan Pengerusi, nak tambah. So, yang *we are working on notice of breach* ini, saya rasa PUU kami dah panjangkan kepada AGC untuk *checking before we issue notice of termination*. Saya juga nak tambah yang Dato' Sri sebut tadi. *We will remedy and cover the Government's interest through settlement agreement*. So dalam *settlement agreement* itu akan *very clear*, Tuan Pengerusi, kita *protect Government*— contohnya, *hall* yang ada, semuanya akan menjadi milik Kerajaan sekiranya *anything happens to BNS or to BTS*, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: *So, the Ministry, please take note of that. So, saya jemput Yang Berhormat Permatang Pauh. Sila.*

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam hormat. Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Dato' Sri Muez serta seluruh kumpulan MinDef yang bersama.

Saya hanya nak tanya sedikit lanjutan maklumat. Bila dipersetujui oleh MJM atau Majlis Jemaah Menteri, cadangan untuk mengemukakan pilihan BTS ini datang daripada bersama atau bagaimana? Soalan pertama.

Kedua, boleh kita dapatkan perincian? Saya sambut baiklah segala perincian *settlement agreement* dan mungkin pengemaskinian perjanjian untuk melindungi Kementerian dan Kerajaan. Mungkin kalau PAC boleh ada sesalanan. Walaupun kiranya bersifat rahsia, sekurang-kurangnya kita *do our due diligence*. Kita boleh belajar dan kementerian lain juga boleh dijadikan satu terma rujukan.

Kedua adalah perincian senarai pemilik saham syarikat BTS untuk dikemukakan— atau sudah diberi? *At least for us to understand who are the players*. Dulu ada sebut kan? Dulu *quite detailed— flowchart* pelbagai syarikat yang terlibat dalam projek ini. Saya tak pasti untuk BTS sudah diberi atau belum. Kalau boleh, *that will be helpful*. Terima kasih Dato' Sri.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Yang Berhormat, berkaitan perkara tersebut, *let me* tengok dululah, Yang Berhormat. Sebab dari segi *setup* BTS itu pun belum di *finalise* lagi, Yang Berhormat.

■1100

Akan tetapi, keputusan sudah ada oleh jemaah menteri supaya bersetuju dengan cadangan pihak MinDef dengan penubuhan entiti tersebutlah Yang Berhormat. Boleh, *insya-Allah*, Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Jadi entiti ini macam cadangan daripada MinDef lah? Datang daripada MinDef?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Ya datang daripada MinDef.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Haa...

Tuan Pengerusi: Datang daripada MinDef atau BNS?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: [*Tidak Jelas*] kepada MinDef, Yang Berhormat. Yang kita *submit* kepada Kabinet tersebut akan kertas daripada— memang daripada MinDef. Mencadangkan...

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Maksudnya selalunya dalam MJM ini Menteri yang bertanggungjawab akan membawa memorandum?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Ya, ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Jadi ini datang termasuklah cadangan BTS oleh Menteri?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Ya, betul.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Baik terima kasih.

Datuk Hj. Ruji bin Hj. Ubi: Yang Berhormat Permatang Pauh hendak tambah, Tuan Pengerusi. Cadangan, ya, MinDef bawa. *Sure, because of paper* MinDef tetapi selepas beberapa perbincangan hala tuju antara Boustead dengan kita. Satu lagi Yang Berhormat Permatang Pauh, hendak tambah, ada dua perkara utama dalam keputusan kabinet 5 Mei. Satu, *if BTS or BNS or Boustead cannot fulfill the cabinet decision on the 5th of May, automatically*, kontrak ini akan ditamatkan *and then* MinDef diminta untuk mencari hala tuju yang barulah. Itu Yang Berhormat Permatang Pauh. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: So, dalam mesyuarat antara Boustead dengan MinDef, *this idea of BTS came from where?* Siapa yang bangkitkan idea ini dulu? Permintaan daripada Boustead kah atau bagaimana? *Of course, we know* apabila di *submit*, dibentang kepada Kabinet *definitely that will be the minister*. Akan tetapi sekarang soalan Yang Berhormat Permatang Pauh tadi bilakah *the first time idea* untuk ada BTS ini sampai? Dibangkitkan.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Untuk makluman Tuan Pengerusi, seperti yang saya maklum *paper* itu memang daripada MinDef, Yang Berhormat Permatang Pauh. *Of course* daripada MinDef untuk dapatkan cadangan dan persetujuan Kabinet. Akan tetapi memang saya boleh sahkan sebelum kita angkat *paper* itu memang ada perbincangan antara *of course* daripada yang *stakeholder* itu, *of course* daripada Boustead, daripada perbincangan bersama dengan pihak-pihak menteri yang *of course* saya terlibatlah dengan *team* daripada MinDef.

Memang ada perbincangan *a bit* dan akhirnya kita membincang usul berkaitan penubuhan entiti tersebutlah, Yang Berhormat. Memang ada *engagement* lah MinDef dengan pihak Boustead, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ada soalan lain daripada Ahli-ahli yang lain? Ya sila, Yang Berhormat Sipitang.

Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, KSU, TKSU. Di sini dia tulis BNS sudah muktamadkan kos terakhir dengan syarikat Naval Group Perancis dan Syarikat OEM *in your slide, right?* Oh, ini slide lama? *So, is there any variation on the cause?*

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Untuk makluman Yang Berhormat, kita belum *finalise* lagi, Yang Berhormat.

Datuk Hj. Ruji bin Hj. Ubi: *The decision by the Cabinet was very clear. There is no additional cost based on balance 3.1 but the company helped to raise fund on their own*

to fund for all sick ships to be completed after the take off of this project through BTS. Dato' Sri KSU kalau saya hendak sebut juga lagi if BTS or Boustead gagal memenuhi semua ini dan dia akan automatik terbatal. That's why kita tengah work on it, Tuan Pengerusi especially notice of breach and

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Yang saya maklum pada awal tadi pun *Government* tidak ada usaha untuk mencari-cari *fund* atau tambahan dan sebagainya. Jadi pihak Boustead terpaksa *raise fund* lah dalam tempoh tiga bulan tadi.

Datuk Hj. Ruji bin Hj. Ubi: Hendak tambah Yang Berhormat Permatang Pauh juga tadi Yang Berhormat Permatang Pauh, *settlement agreement* pun kita tengah duduk. *I got my team in MinDef* tengah duduk. Bawa tim projek *from Lumut* itu, *sat beside my office* kita tengok *even though I* ada banyak lain tetapi *this is on my shoulder*. Terima kasih kepada Dato' Sri KSU, *thank you* Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya terima kasih. Ya ada soalan lain? Ya sila Yang Berhormat Parit.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Tuan Pengerusi, untuk menyiapkan *reaccess* ini sebagaimana yang dimaklumkan, adakah contohnya daripada segi bayaran ataupun tuntutan, ataupun rayuan, ataupun saman-saman tertentu terkini ataupun akan datang telah pun ada dalam persiapan khususnya di peringkat MinDef lah?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Untuk makluman Yang Berhormat, soalan itu tidak silap saya dengar tadi ada tak tuntutan saman? Yang Berhormat, memang betul, memang ada pihak *creditors* contohnya daripada beberapa OEM itu sudah ada mengemukakan saman kerana tak habis bayar itu kan berapa perkhidmatan, barangan yang telah diberikan memang kepada pihak BNS untuk makluman Yang Berhormat. Itu ialah dalam urusan kontrak antara mereka dengan sub kontraktor merekalah, Yang Berhormat. Memang telah adalah tetapi *between those companies* lah dan apa kegagalan BNS sebelum ini pun kita sudah *follow strictly* kepada kontrak yang kita telah adakan.

Contohnya, isu-isu kelewatan berkaitan dengan tuntutan AELB dan sebagainya saya sudah jelaskan yang sebelum ini kita sudah ambil tuntutan-tuntutan tersebut kita telah... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Okey terima kasih. Dato' Sri ataupun Datuk Hj. Ruji tadi ada soalan ketiga saya belum lagi dijawab iaitu apakah perlindungan kepada Kerajaan? Sekarang kita tahu BNS memang ada beberapa hutang dengan OEM-OEM ataupun kontraktor dia. Setelah kita memasuki perjanjian baharu dengan BTS dan *any settlement agreement* dengan BNS apakah yang akan terjadi sekiranya— *I'm not so sure whether the OEM will actually come after the project* untuk membuat tuntutan dan sebagainya atau

tidak. *Because* kepada OEM, *I believe some of the OEMs, BTS may still want to continue their service because they supply the machinaries and so on kan?*

Akan tetapi tanpa isu itu diselesaikan oleh BNS, *how would the whole project will be protected?* Sekiranya nanti *after 2022*, kita *start* lagi *then the OEM coming again with all the interests, compound interest and so on, so, how are we going to handle that? I'm quite worried.*

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Untuk makluman Tuan Pengerusi seperti yang telah dinyatakan tadi dalam tempoh keputusan Jemaah Menteri tersebut dia ada menyatakan pihak BTS ini harus mengemukakan *fund* tersebutlah. Jadi *fund* tersebut adalah sebenarnya untuk sebahagiannya mesti menyelesaikan beberapa hutang tersebut, Yang Berhormat. Bukan tanggungjawab Kerajaan yang itu, Yang Berhormat. Jadi pihak Boustead sendiri kena *raise fund* berjumlah lebih kurang RM4 bilion untuk menyiapkan dan sebahagian daripada itu adalah untuk memastikan hutang-hutang tersebut dibayarliah, Yang Berhormat.

Jadi kerajaan tidak akan ada tambahan dana dan sebagainya. Tak pastilah Yang Berhormat saya menjawab atau tidak soalan tersebut.

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Hj. Ruji bin Hj. Ubi: Tuan Pengerusi, hendak menambah Dato' Sri KSU, dalam salah satu perkara poin penting dalam *cabinet decision* ialah pihak BHIC dan BNS hendak menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan PN 17. Maknanya hutang-hutang itu, itu dia yang ini. *Not even a single cent from the balance of RM3.1 billion can be used for any other bayaran debt* ini Tuan Pengerusi. *So, we drafted it such way during the MJM* itu dan *agreed by the MJM*, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Yang Berhormat Kluang.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Dato' Sri sahaja nak *confirm* satu fakta kerana Dato' Sri tadi pada awalnya ada sebut RM4 bilion yang akan *raise* kan oleh BTS yang entiti baharu itu tidak boleh digunakan untuk bayar hutang dan sebagainya. Adakah ini betul? Ataupun sebenarnya mereka *raise fund* bukan sahaja untuk habiskan empat buah kapal ini tetapi juga akan digunakan untuk kegunaan lain.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Yang Berhormat yang RM4 bilion itu sebahagian saya sudah maklumkan juga kepada Yang Berhormat tadi ialah untuk menyelesaikan hutang-hutang mereka. Sebahagiannya...

Tuan Pengerusi: So apa yang kita boleh faham sebahagian *fund* yang mereka akan *raise* di luar sana akan digunakan untuk pembayaran?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Ya.

Tuan Pengerusi: *From the Government fund*, kita masih ada lebih kurang RM3 billion and that fund can never be used to clear their debt. Okay.

■1110

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Bayaran itu untuk meneruskan pembinaan kapal.

Tuan Pengerusi: Okey. Ada apa-apa hendak tambah lagi Dato Sri Muez bin Abd Aziz?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Ya, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: *If you have anymore updates* ataupun *presentations* pada pagi ini? Boleh-boleh. Sila Yang Berhormat Beaufort.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Saya hendak tanya pula, yang RM3 bilion itu cukupkah untuk hendak siapkan kapal-kapal?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Ya, Yang Berhormat?

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: *Insya-Allah*. RM3 bilion campur yang RM4 bilion yang Boustead akan tambah, kami yakin boleh menyiapkan kapal-kapal tersebutlah.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun: Semua? Semua kapal?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Ya. Semua.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun: Okey, *Alhamdulillah*.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: *Insya-Allah*.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. *Let us now look at the timeline again*. Timeline yang diberikan kepada— tadi Dato' Sri Muez bin Abd Aziz ada sebut satu tempoh masa tiga bulan kan? Tiga bulan itu untuk apa? Itu nombor satu. Tiga bulan dari Mei iaitu akan tamat lebih kurang pada bulan Ogos iaitu awal bulan Ogos. Jika tidak silap.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Keputusan Kabinet itu pada 5 Mei, Mesyuarat Jemaah Menteri tersebut. Akan tetapi saya ada hantar surat jugalah memaklumkan kepada pihak Boustead berkenaan hasil daripada keputusan-keputusan tersebutlah. Jemaah Menteri tersebut, kalau tidak silap saya, surat yang saya kemukakan bertarikh 16 Jun. Ia berkuat kuasa pada tarikh tersebut. Pada 16 Jun, Yang Berhormat. Kalau Jun, Julai, September— *by October they have to*— Kita pastikan mereka akan dapat mengemukakan, melaksanakan arahan yang telah diputuskan oleh Jemaah Menteri.

Tuan Pengerusi: Apakah arahan? Boleh ulang sekali lagi?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Ya, Yang Berhormat? Arahan tersebut...

Tuan Pengerusi: Tempoh tiga bulan itu untuk tujuan apa? Boleh jelaskan kepada Ahli-ahli?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Dalam tempoh arahan tersebut adalah dapat mengemukakan bukti untuk *raise* RM4 bilion dalam tempoh tiga bulan sebelum projek ini *take off*, untuk laksana. Itu syarat yang dikenakan. Kena kemukakan dalam tempoh tiga bulan sebanyak RM4 bilion daripada tarikh surat yang saya dikemukakan itulah. Betul ya Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi? Pada 16 Jun, disebut. Ya, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya, sila Yang Berhormat Permatang Pauh.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Kena buktikanlah— RM4 bilion dan kita sudah beri masa selama tiga bulan *from that* tarikh. So, pihak Boustead seharusnya dapat kemukakan— mengeluarkan sukuk kah, hendak bekerjasama kah, hendak dapat *fund* mana-mana, itu terpulang pada pihak Boustead. Okey, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Yang Berhormat Permatang Pauh.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dato' Sri Muez bin Abd. Aziz, kalau saya boleh tanyakan. Tadi disebut tarikh atau bulan Januari 2022 ya? Itu kira *timeline* yang harus— menjelang *timeline* tersebut kena siap reka bentuk yang terkini. Kalau tengok daripada *timeline* dan julat masa kontrak ini, ia berlangsung sejak Rancangan Malaysia Ke-10 kan? Daripada LOI, LOA nya sampailah sekarang kita masuk Rancangan Malaysia Ke-12. Di banyak negara dan saya bukannya pakar dalam bab ini. Saya jurutera. Saya tidak tahu sangat tentang keperluan TLDM, *you all know better*. Akan tetapi kalau kita rujuk kepada banyak pengumuman dan pergerakan negara lain, mereka ada juga mengemukakan keperluan *to drop littoral combat*. Contohnya, ia minta *surveillance frigates*. Ini keputusan Amerika Syarikat, contohnya.

Jadi, penggunaan bila kita hendak perincikan *the latest specs*, boleh diambil kira juga mungkin tidak relevan lagi sebarang reka bentuk terdahulu. Jadi, bila bergerak ke depan ini, kena cari mungkin *a new— I don't know whether you call it frigates, surveillance or whatever that is required for Selat Melaka* tetapi saya fikir penekanan ini penting memandangkan bagi mana-mana syarikat pun ia tidak boleh bergantung pada kos lama. *So, it should be cheaper, leaner and of course*, kalis masa depan sikitlah. Jadi, saya hendak tekankan bab itu. Ini kerana saya nampak berita Amerika Syarikat, *they are dropping littoral combat ships*. Amerika. *I mean, they are changing it to surveillance frigates. I'm not saying—* bukan saya kata kita pun sama. Akan tetapi maksudnya, mungkin harus diambil kira oleh pakar-pakar bahawa mungkin ada keperluan lain yang diambil kira, yang lebih sesuai untuk keadaan dan zaman Rancangan Malaysia Ke-12 berbanding dengan

Rancangan Malaysia Ke-10. Pandangan? Terima kasih. Harap Dato' Sri Muez bin Abd Aziz dapat ambil kira.

Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi: Yang Berhormat Permatang Pauh, salah satu syarat kita...

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi, sekejap ya. Okey, biar saya respons dulu ya. Untuk Yang Berhormat Permatang Pauh dari segi— betul dan bersetuju pandangan fasal dari segi teknologi berubah kan? Akan tetapi *of course*, kita sedang mengambil kira semua aspek tersebut. Walau bagaimanapun, *littoral combat ships* itu, kami berpandangan masih lagi relevan. Masih lagi boleh dioperasikan sekiranya siap. Akan tetapi *of course*, dalam dari segi *specs* dan sebagainya, mungkin dari segi persenjataan, dari segi *equipment*, ia punya *combat machine*, ia punya SEM Air punya sistem dan sebagainya. *Combat management system* dan sebagainya. *Of course*, benda itu kita akan tengok, Yang Berhormat. Akan tetapi setakat hari ini dari segi teknologi yang ada, *of course* kita tidak boleh hendak mengejar teknologi, ia akan memerlukan kos yang lebih besar. Akan tetapi walau bagaimanapun, dengan keadaan sekarang pun kita masih lagi menggunakan kapal-kapal yang telah berumur lebih kurang 30 tahun. Masih lagi beroperasi di Laut China Selatan, masih lagi beroperasi di perairan kita dengan *very efficient with full mission capability*. Masih lagi.

Littoral combat ship yang *second generation* memang canggih kalau *compare* dengan kapal yang sedia ada. Kita *of course* tidak boleh hendak mengikut peredaran masa. *Of course*, dengan teknologinya, dengan negara yang lebih hebat dari kita. Akan tetapi dengan kapasiti yang ada ini kami amat yakin *littoral combat ship* yang kita akan bina ini masih akan mampu mempertahankan negara kita. Walaupun kita sekarang menggunakan— kapal-kapal sedia adapun 40 tahun punya kapal, masih lagi berlayar di beberapa lokasi operasi strategik, masih berjalan Yang Berhormat. Kita servis sahajalah kapal tersebut, dengan enjin yang ada pun, dengan apa pun, masih lagi boleh bergerak, Yang Berhormat. Akan tetapi dengan *illusion* memang canggih kapal yang kita akan siap ini, memang kalau hendak *compare* dengan kapal ini yang sedia ada dalam pegangan sekarang ini, memang jauh— Jadi, *insya-Allah* Yang Berhormat, kami kira macam mana pun dari semasa ke semasa sistem itu kita akan tambah baik.

Apa yang penting sekarang Yang Berhormat, kita hendak siapkan kalau boleh, Ya Allah. Hendak siapkan kapal ini. Kalau siap ini, *insya-Allah* akan dapat mempertingkatkan lagi kami punya kapasiti yang sedia ada, Yang Berhormat. Itulah jawapan, Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi: Terima kasih Dato' Sri Muez bin Abd Aziz. *Just* tambah Yang Berhormat Permatang Pauh. Rasa dalam November lepas Yang Berhormat

Laporan Prosiding Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara

Beaufort pun ada tanya mengenai *detailed design*. So, one of our preconditions before we kick off this project through BTS or through whatever company, kalau BTS tidak mampu ialah *detailed design* mesti siap dahulu. We don't want to repeat the same mistake in 2016. If I may Yang Berhormat Tuan Pengerusi, *detailed design* ini patutnya siap 2016. But, drag on until now tidak siap-siap. So, one of our conditions ialah *detailed design* mesti siap by hook or by crook. If not, then we cannot proceed with the project, Yang Berhormat Permatang Pauh dan juga ditanya oleh Yang Berhormat Beaufort dahululah.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: So, dijangka bila siap *detailed design*? Jangka bila siap?

Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi: Kalau ikut keputusan Kabinet, ia kena *complete by* Januari *next year*.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Januari *next year*, Yang Berhormat. Januari.

Tuan Pengerusi: Januari 2022?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Saya berharap dan saya pun berdoa boleh siap, Yang Berhormat. Kalau tidak, takut kena *extend* lagilah nanti. Itu sahajalah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kluang, sila.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Selepas ini, kita *move on* kepada Tan Sri ya. *Thank you*.

Puan Wong Shu Qi: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, tentang idea untuk mewujudkan satu entiti baharu dan *raise fund* itu. Boleh saya tahu, adakah kamu telah berbincang dengan pihak Boustead sana bagaimana mereka hendak *raise fund* sebenarnya? Walaupun saya tahu, tadi pun sudah dimaklumkan bahawa mereka diberi tiga bulan sahaja untuk buktikan bahawa mereka dapat *raise fund*. So, dalam tiga bulan ini, khasnya memandangkan pasaran ekonomi sekarang macam ini. Mereka hendak pinjam dari bank kah atau pun mereka hendak buat macam mana untuk *raise fund*? Sebanyak RM4 bilion bukan satu jumlah yang kecil.

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Yang Berhormat, kami pun secara detilnya— tetapi itulah hasil yang kita angkat *paper* tersebut, hasil daripada perbincangan bersamalah dengan pihak Boustead. Akan tetapi dari segi kaedah dan sebagainya, tidak ada sedetilnya di *share* dengan pihak Kementerian. But, they are very confident, Yang Berhormat. Dalam tempoh tiga bulan ini, ia boleh *come out* dengan dana. Saya dimaklumkan dana itu mungkin akan melalui pengeluaran sukuk dan sebagainya, Yang Berhormat. Benda-benda yang mungkin ada pinjaman. Akan tetapi, minta maaf, Yang Berhormat, secara *detail*

nya *how they are going to* buat kaedah untuk *raise* RM4 bilion itu, mereka belum *share* dengan kami lagilah, Yang Berhormat.

■1120

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih. Yang Berhormat Sipitang.

Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa: *Thank you, Chairman. I think, KSU, what* Yang Berhormat Kluang hendak cakap itu *probably is whether the Government is providing any guarantee for them to raise the fund?*

Tuan Pengerusi: Tidak ada ya?

Dato' Sri Muez bin Abd Aziz: Tidak ada.

Datuk Haji Ruji bin Haji Ubi: *So far,* tidak ada, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey. Terima kasih saya ucapkan kepada Dato' Sri KSU. Mungkin Jawatankuasa ini boleh beredar ke Tan Sri sekiranya Tan Sri hendak mulakan dengan apa-apa mukadimah kah, pembentangan kah atau penjelasan kepada pihak PAC, dan selepas itu Ahli-ahli boleh bertanya soalan kepada pihak Tan Sri. Dipersilakan, Tan Sri.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Haji Jaafar [Mantan Panglima Tentera Laut]: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat terutama Ahli-ahli PAC, dan Ahli-ahli yang turut hadir, juga kepada KSU Kementerian Pertahanan. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Pertama sekali, saya ingin merakamkan penghargaan ucapan terima kasih di atas kesudian PAC untuk menjemput saya dalam sesi prosiding perolehan *littoral combat ship* pada pagi ini. Saya ingin memaklumkan yang saya memegang jawatan Panglima Tentera Laut daripada 1 April 2008 hingga 17 November 2015, iaitu satu tempoh yang panjang, tujuh tahun, tujuh bulan, 17 hari. *That is to be exact.* Ia satu tempoh yang panjang, *post the two pioneers,* iaitu Tan Sri Thana dan juga Dato' Zain.

Dalam tempoh tersebut, saya juga ingin merakamkan bahawa ini adalah kali pertama saya hadir sesi PAC. Ini jelas menunjukkan bahawa *I am a very strict guy. So, saya got all documented.* Sebab itu saya tidak hairan Tan Sri Ambrin Buang tidak memanggil saya dalam prosiding beliau. *So,* saya tidak dipanggil kerana beliau telah menggunakan semua surat saya yang telah saya bangkitkan atau majukan kepada semua yang perlu mengetahui.

Untuk makluman, saya telah majukan sekurang-kurangnya 10 surat teguran, surat tidak puas hati, surat untuk memaklumkan pendirian TLDM kepada KSU sebanyak 10

surat, kepada Yang Berhormat Menteri lima surat, kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan satu surat, kepada Ketua Setiausaha Negara satu surat, dan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dua surat. Jadi surat-suratnya telah pun di-*archive*. *It was archived. We archived to ensure that it will be available for reference, and I would not be blamed for the failure to perform in my job as the Chief of Navy. Saya anticipated that, in fact,* untuk makluman.

Kerana daripada awal lagi saya telah menegur tatacara perolehan. Daripada awal lagi. Saya telah menegur tatacara perolehan, saya kata, *“Something is gravely wrong”*. So, saya tidak mengeluarkan kenyataan-kenyataan ini di luar tapi ini adalah peluang terbaik saya untuk memaklumkan bahawa *I have registered my greatest disappointment to everyone that was supposed to be listening to me*.

Saya buat analogi bahawa keadaan ini adalah satu yang pelik kerana perolehan dilakukan oleh Kerajaan bagi pihak Tentera Laut Diraja Malaysia sebagai pengguna, tetapi kuasa sepenuhnya diberi kepada BNS. BNS telah mengeluarkan beberapa kenyataan atau pun surat menyatakan bahawa semua pilihan TLDM adalah tertakluk pada evaluasi dan *verification* mereka. *Evaluation* dan *verification* mereka. Jadi, ini pelik. Kalaulah kita buat rumah, *if I say I want that, you bloody well get it done*. Betul atau tidak? *The fact that it happened the other way around*, jelas menunjukkan bahawa tidak telus.

Tetapi saya sabar. Apa yang saya lakukan ialah saya— *I want everything to be documented. That is how I got all the letters. And I have got it here with me*. Saya ada kelulusan untuk membawa surat-surat ini walaupun berdarjah. Saya dapat kelulusan daripada Panglima Tentera Laut ya.

Jadi, saya hendak merakamkan terima kasih kerana memanggil saya *for the first time. I was never even been called by Tan Sri Ambrin Buang*, dan saya juga tidak dipanggil oleh *forensic audit* daripada Boustead Heavy Industries. *In fact, I was ready to come in to give my views, but I would not go openly in public*. Hanya kepada pihak-pihak yang berwajib. *That is point number one*.

Point nombor dua ialah saya ingin memaklumkan bahawa nama saya tercemar apabila saya digembar-gemburkan supaya akan dipanggil untuk berhadapan dengan PAC pada bulan Disember tahun lepas. *No communication, except to say that you are to appear*. So, adakah saya sebagai *culprit*? Ataupun saya sebagai saksi untuk mengetahui butir-butir surat-surat yang saya keluarkan? Akan tetapi, gambaran yang diberi oleh *public* ialah bahawa saya dah bersalah dah. So, saya harap perkara begini tidak berlaku lagi di masa akan datang.

That is quite— and I want to tell everyone that I have got no interest in this. No personal interest in this project. Put it on point, yeah. No personal interest in this project. I am not a director to any of the companies that have got the contract. I have not been involved in any of the subsequent after my departure. Never. I did not even attend DSA and LIMA, just to tell everyone that my hands are free. That is on record.

Ketiga, saya ingin bertanya, apakah tujuan asal saya dipanggil untuk prosiding ini? Saya diarah untuk sediakan 30 salinan taklimat. So, saya kata, “Eh”. *In fact, I have told Navy, I said, “If they want 30 copies of that, I will take one year to prepare”. Because I have got no staff now. One year to prepare, then I will attend the session in one year’s time. That is it. To show that something is not right lah, ya.* So, saya ingin bertanya Yang Berhormat Pengerusi, apakah sebenarnya hasrat PAC memanggil saya? Adakah *to know the truth* ataupun *just to confirm on those letters that were sent out? To verify the contents of those letters, yeah.* Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi: Ya.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Haji Jaafar: Sebelum saya *continue* lah.

Tuan Pengerusi: *Sorry?*

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Haji Jaafar: Sebelum saya *continue* lagi, boleh...

Tuan Pengerusi: Ya. Terima kasih saya ucapkan kepada Tan Sri atas *poin-poin* yang telah pun dibangkitkan tadi.

Pertama sekali, saya hendak tegaskan kepada Tan Sri ataupun mana-mana saksi yang hadir di hadapan PAC ini, setiap kali sekiranya saksi dipanggil, tidak bermaksud saksi itu adalah *culprit* atau bagaimana. Cuma, saksi itu adalah seseorang yang boleh membantu dalam PAC untuk memberikan maklumat ataupun bukti-bukti supaya PAC boleh melengkapkan laporan kita tanpa belah bahagi.

So, this is the main thing. So, being called by PAC sometimes is a good thing, because like what Tan Sri said at the start of your presentation, you are given a chance to actually tell the PAC what was actually happened in the whole procurement and in the whole project and I think this is what the PAC is looking forward to for Tan Sri to actually tell us from the side of TLDM.

Sebab, sebelum ini, kita memanggil Tan Sri Ambrin berkenaan dengan Laporan Jawatankuasa dan kami juga ada memanggil Dato' Sri KSU untuk kali ketiga sudah. *And the pasukan— what do you call the Pasukan?*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *No, no, no. The Pasukan Teknikal, ya?*

■1130

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Pasukan projek.

Tuan Pengerusi: Pasukan projek, *the project team was also here. So, now we would like to hear from Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz, as to the whole procurement and what is the TLDM's view over the whole project? Definitely, the PAC would like to know the 10 letters and the various letters that Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Dr. has sent to the KSU, to the Minister, to the Prime Minister as well dan juga dalam laporan Yang Berbahagia Prof. Tan Sri Dr. Ambrin Buang [Disampuk] Okey, okey.*

Dalam laporan Yang Berbahagia Prof. Tan Sri Dr. Ambrin Buang, beliau ada sebut berkenaan dengan pemilihan SIGMA dan juga GOWIND dan isu berkenaan dengan *detailed design* yang sekarang kita hadapi. *So, this one, that is why* kita lebih— Kita hendak dapat dari *the horse's mouth, from the user's point of view.*

Tadi, Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. ada kata berkenaan dengan *everything was decided by BNS, which was a contractor driven thing. Now we are looking forward as to what would be the user's point of view as to all these selections.* Dalam penemuan laporan jawatankuasa yang diketuai oleh Yang Berbahagia Prof. Tan Sri Dr. Ambrin Buang, ada dinyatakan bahawa tidak pernah berlaku pemilihan reka bentuk ditentukan oleh kontraktor utama dan bukan oleh pihak pengguna.

This is one of the penemuan whereby jawatankuasa tersebut mendapati empat daripada 17 peralatan utama LCS tidak dipersetujui oleh TLDM. *This is the thing that we would like to know. I would like to invite,* saya hendak menjemput Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. untuk teruskan pembentangan Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. kepada pihak PAC. *Thank you.*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman: Sebelum itu ya. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr.. Kita jelas ya setiap saksi yang dipanggil oleh PAC, paling pentingnya ialah kita memberi tanggungjawab besar kepada Kerajaan dan kepada rakyat untuk kita melihat kes-kes yang telah dilaporkan untuk kita membantu Kerajaan bagi kita mengembalikan jika ada sebarang kerugian kepada Kerajaan itu sendiri dari segi perolehan dan sebagainya.

Jadi, isu LCS ini yang kita jelasnya ialah kita kehilangan dana yang besar, kita kehilangan waktu untuk peralatan tentera dan kita telah menyebabkan satu keadaan moral kepada tentera kita apabila mereka tidak mendapat peralatan yang sepatutnya. Jadi, saya setuju tadi yang disuruh oleh Tuan Pengerusi bahawa Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. dijemput untuk bersama pada hari ini ialah untuk kita mendapat lagi penjelasan laporan yang telah dibuat oleh Yang Berbahagia Prof. Tan Sri Dr. Ambrin Buang pada 1 Disember 2020 dulu yang baru disebut bahawa bukti pandangan TLDM tidak diambil kira, ya?

Jadi, kita hendak membuat pengesahan di situ. Ada di sini, dia *just* letakkan ada enam perkara ya yang telah disebut bahawa TLDM ketika itu, tidak dapat memberi pandangan yang tepat untuk mereka beri kepada pihak Kerajaan bagaimana seharusnya proses perolehan LCS itu. Jadi, itu yang kita maksudkan kehadiran Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. pada hari ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Sik. Saya jemput Yang Berbahagia Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. untuk teruskan. Terima kasih.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Hj. Jaafar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya teruskan persembahan saya. Saya mengambil alih jawatan Panglima Tentera Laut pada 1 April 2008 sehingga 17 November 2015. Saya bertanggungjawab sepenuhnya dalam aspek perbincangan dan juga cadangan TLDM kepada Kementerian berkenaan dengan perolehan kapal LCS.

Cadangannya perolehan ini telah dibangkitkan sejak tahun 2009 lagi. Awal tahun 2009. Telah pun dikeluarkan Surat Niat pada awal tahun 2010. Bulan April 2010 oleh Kementerian Pertahanan kepada Boustead Naval Shipyard. Dari tempoh tersebut, kita, TLDM telah berbincang dalam satu *committee* yang dipanggil sebagai Lembaga Pengurusan Keupayaan (*Capability Management Board*) TLDM yang mana saya sebagai Pengerusi dan dianggotai oleh Timbalan Panglima Tentera Laut, ketua-ketua jabatan, Panglima Armada serta beberapa orang ahli yang akan dipanggil yang mana sesuai dengan keperluan perbincangan.

So, jawatankuasa tersebut atau lembaga tersebut, dipanggil Lembaga Pengurusan Keupayaan ataupun *Capability Management Board (CMB)* telah pun ditubuhkan sejak tahun 2008 apabila saya *took over* sebagai Panglima Tentera Laut. Dan juga perolehan ini pun adalah bersangkutan dengan cadangan TLDM melalui *our Blue Plan*, peningkatan keupayaan TLDM yang kita bangkitkan pada awal tahun –Ataupun pada akhir tahun 2008.

So, *from then on, the Government took on, we had a few words* dengan KSU Kementerian dengan keperluan TLDM untuk membina– Memperoleh aset-aset baharu.

Oleh sebab itu, salah satu daripada *yard* ini iaitu Boustead Naval Shipyard telah pun memberi cadangan. Kita telah berbincang sejak daripada itu. Akan tetapi, tidaklah bermaksud bahawa *it must be commercially driven* ya. *It must be ministerial driven*. Kementerian *must be* ini *but* apa yang telah pun diutarakan ataupun dicatatkan oleh Yang Berbahagia Prof. Tan Sri Dr. Ambrin Buang adalah dipersetujui oleh saya sepenuhnya, ya.

Kita, *despite all the letters, despite seeing personal presentation to all those* sama ada KSU, Yang Berhormat Menteri, KSN, KSP dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, *we were fighting a losing battle. We were fighting a losing battle. Right from the start, it was not right already*. Apabila Boustead diberi *leeway* untuk memilih peraturan-peraturan yang sesuai dengan mereka.

Saya sebagai Panglima Tentera Laut dapat perhatikan. *I do not put it on record*. Barangkali ada *some* mengatakan bahawa— Saya berasakan bahawa dalam suatu keadaan, Boustead ini sudah angkuh, angkuh. *It means very arrogant* dan juga mereka seolah-olahnya *being very well protected*. Maknanya, *I can write anything. The Chief of Navy can write anything but would not do any harm to them. That is it. That to prove the point. I put it on record, it is there. [Merujuk kepada kepingan surat] I put and sent it to the KSU berkenaan surat*.

Beberapa perkara yang di akhir sekali apabila mereka menyatakan beberapa langkah untuk pemilihan-pemilihan peralatan tersebut untuk ke arah penjimatan. *It was proven wrong*. Apabila kita buat *cost verification, was proven wrong and I got it on the letter also. You can have a look. It is in there* dan ia menyatakan bahawa apa yang diuar-uarkan, apa yang dihasratkan tidak tercapai.

Jelas memberikan gambaran bahawa kita tertipu. *Sort of saying that we have been cheated. I did not say 'cheat' and I did not want to tell the Government that we have been cheated but sort of saying that there was sort of. So, that was something* yang boleh mendukacitakan. *If anybody were to be in my position, I say you must be ready. That is why* apabila saya hampir bersara, apabila saya apa itu, ditawarkan untuk jawatan, saya *refused*. Ditawarkan jawatan untuk *take over from Tan Sri Dato' Seri Ahmad Ramli bin Mohd Nor, I refused and I said no. I do not want to go and eat up with my—* ini.

So, because saya tahu, *they will not put it in the right*, apa orang kata, *not in the right frame* ya. *Right platform* ataupun *right foundation. They are not in the right foundation*. Banyak perkara yang itu. Juga, saya sepanjang tempoh sebagai Panglima Tentera Laut, saya juga adalah lembaga mewakili LTAT dalam Boustead Naval Shipyard. Setiap kali perbincangan *I will have a special session* dengan Pengerusi *and the group of MoD* iaitu Yang Berbahagia Laksamana Madya Dato' Seri Panglima Mohammed Noordin Ali dan juga

Yang Berbahagia Datuk Seri Ahmad Ramli Bin Haji Mohd Nor untuk memberi teguran TLDM *and always I put it on record. Put on record.*

These all the board of directors pun menunjukkan ketidaksetujuan TLDM dalam beberapa, beberapa– Ada satu contohnya. Apabila mereka membincangkan tentang pemilihan apa ini, pemilihan the design, GOWIND, as opposed to the recommendation by TLDM on SIGMA.

■1140

Jelas menggambarkan penipuan, manipulasi *and I put it in the letter, it is recorded. I reported all those, tunjukkan apa yang kami perhatikan, the manipulation. But somehow rather, I was not powerful enough, maybe and they were too powerful, maybe. They were too powerful. So, apa yang kami lakukan ialah untuk menentukan bahawa sebarang peralatan yang dipilih adalah satu, value for money. Kedua, canggih, teknologi advanced. Ketiga, will benefit the– will enhance our capability. Keempat, kita akan memenuhi keperluan capability requirement Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sesuai dengan hasrat kita untuk menjadikan satu navy yang berkeupayaan tinggi.*

Tuan Pengerusi: Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Haji Jaafar, boleh ke saya *pause* Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Haji Jaafar di sini? Ada penjelasan yang diminta Yang Berhormat Kluang.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Haji Jaafar: Boleh, silakan. *I am available for any questioning. Selagi saya ingat, insha-Allah saya kalau ingat. Akan tetapi I am guided by the letters that I have with me. Insha-Allah.*

Puan Wong Shu Qi: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Terima kasih Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Haji Jaafar kerana hadir di hadapan PAC. Saya percaya bahawa kenyataan Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Haji Jaafar amat membantu pihak kami untuk siasat kes ini. Oleh kerana sebenarnya dalam laporan yang dibentangkan kepada PAC pun ada catat bahawa Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Haji Jaafar pernah mempertahankan– Saya baca pendiriannya, konsisten memilih reka bentuk SIGMA dari Belanda dalam pembinaan LCS. Walau bagaimanapun, Menteri Pertahanan ketika itu iaitu pada tahun 2011, terus menukar untuk memilih reka bentuk GOWIND DCNS. Jadi, boleh Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Haji Jaafar menjelaskan sedikit bagaimana benda ini berlaku? Walaupun TLDM ketika itu *insisted* untuk memilih satu sistem SIGMA dari Belanda tetapi akhirnya, keputusan ini ditukar terus dan kontrak ini dimuktamadkan. So, proses itu macam mana?

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Haji Jaafar: Okey, untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Ahli-ahli. Kita telah

membuat satu persembahan kepada Yang Berhormat Menteri tentang cadangan perolehan dan keupayaan, selepas enam kali mesyuarat CNB. Enam kali mesyuarat CNB sejak bulan Oktober 2009 hingga bulan Mei 2010. Enam kali mesyuarat. Setiap kali mesyuarat saya hadir dan saya tentukan semua ahli mesti ada. Maknanya, *they were very consistent, because this is a big project*. Kita telah mendapat persetujuan *and all were recorded*, bukan sahaja dengan *recording*, siap dengan surat-menyurat untuk kepastian dan disahkan oleh bahagian perolehan juga bahawa kenyataan dalam surat itu adalah tepat. Dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Menteri pada 24 Mei 2011. Tarikh 2010 dan 2011, minta maaf ya. Dari bulan Oktober 2010 sehingga Mei 2011.

Jadi, apabila kita menerima satu surat daripada Boustead yang telah ditandatangani oleh Laksamana Madya Tan Sri Ahmad Ramli bin Haji Mohd Nor pada bulan Julai tidak silap saya. Bulan Julai 2011, menyatakan telah dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri, saya tertanya-tanya adakah betul daripada Yang Berhormat Menteri? Saya tanya dan dia kata betul. Akan tetapi tidak ada *documentation* di dalam itu. Pada awalnya, mereka tidak komited tetapi mereka kata betul telah dipinda oleh Yang Berhormat Menteri tetapi *not in a written form*. *Normally*, kalau ada perbezaan, perubahan, *it must be in a written form*. *The letter shall be prepared by the KSU or TKSU, but it was just from Laksamana Madya Tan Sri Ahmad Ramli bin Haji Mohd Nor*.

So, saya tertanya-tanya. *Who is he to decide?* Kenapakah dia dapatkan mandat daripada Yang Berhormat Menteri *directly?* Itu persoalannya. Jadi, saya sampai sekarang tidak pernah lihat suratnya dan Menteri mengesahkan *yes*, dipinda. Akan tetapi *certainly I felt very dejected*. *I followed on with another letter to say our disagreement*. Banyak sebab yang kami tidak setuju. *All written*— Satu adalah, *the design*. *The French design was not proven*. Even satu kapal dia kata *it is just [Tidak jelas]— Offshore patrol vessel* milik mereka hanya sebuah sahaja digunakan oleh— itu pun *built by DCNS* untuk jadi bahan umpan kepada negara-negara lain. *The French* pun tidak setuju dengan *design* itu. Tidak setuju. *It was not a proven design*. Kedua, ia *very short*. *It will not— kapasiti, capability very limited*. *It has to be lengthened in order to be fitted with more sophisticated equipments* ataupun peralatan yang lebih canggih, yang *technology driven*.

Ketiga, ia tidak memenuhi keperluan TLDM. Walhal, *the design by the Dutch, the SIGMA is already a proven design*. *In fact, it is now already operational in a few countries, Indonesia, Maghribi, Morocco and a few other countries*. *In fact, Damen Schelde, the pembuat, berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai hubnya*. *That was a loss of opportunity*. *They were very willing to work with BNS, but why we stayed with the French?* *I do not know*. *We had bad experiences dengan French, especially the submarine*. *We find*

that the French here does not fulfill their promises. We have got big issue now, I think Ketua Setiausaha can— jadi, saya sebagai Panglima TLDM ketika itu, sangat bersedih.

Kita tidak setuju dengan SETIS *combat management system* (CMS). Ia juga *not proven, was not proven*. Kita mencadangkan TACTICOS yang telah pun terpasang dengan canggih, dengan baiknya di KD Kasturi dan KD Lekir. Kita *upgrade and now it is being serviced by local company, HeiTech Padu Berhad. We lost that. And now what happened? The CMS, the integration was supposed to be done by one company and that company has declared that they were incapable of continuing. Put on record, please. I want all of you to investigate further on this. The company is Contraves Advanced Devices Sdn Bhd (CAD).*

RM3 billion has been paid. Sorry, RM3 billion was allocated, RM2.1 billion has been paid and that is the total amounting about 77 percent. I was told that they have declared that they were not capable of moving, I was told. This must be investigated. Ketua Setiausaha, please. This is sad. Apa yang paling sedih sekali, tidak ada external auditor yang boleh memasuki syarikat tersebut untuk buat audit. Kalaulah Tan Sri Ambrin Buang were to ask me, I would have asked him to investigate on that, but he did not call me. So, that opportunity was lost.

■1150

Jadi, banyak pemilihan atau pun cadangan yang dicadangkan oleh TLDM melalui *the main equipment system— 17 main equipment systems*, 10 dipersetujui, tujuh tidak dipersetujui oleh Boustead Naval Shipyard. Tujuh. So, saya kata, *“My God!”*. *Short of telling him, “Being an ex-Navy, beliau ini, you are not helping the Navy at all”. I expected...*

Tuan Pengerusi: Beliau itu siapa?

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Haji Jaafar: Tan Sri Ahmad Ramli Mohd Nor. *Tan Sri Ahmad Ramli Mohd Nor was then the Group Managing Director of BHIC. So, saya sedih. Benda telah pun berlalu. But, I put all on record. Ada empat equipment yang Yang Berhormat Menteri menyatakan kita tak bersetuju. Daripada empat itu, satu sahaja telah dimenangi oleh TLDM. They reviewed pada tahun 2014, tak silap saya. But, sebagai Chief of Navy, once the decision was made, I instructed my staff to support the whole project. Don't do any— Support dari April 2012. We were having constant discussion dengan Boustead Naval Shipyard to finalise the Contract Build Specification (CBS) and juga subsequently dengan price negotiation dengan Bahagian Perolehan.*

Tuan Pengerusi: Ya, Tan Sri.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Haji Jaafar: *So, my instruction was to support because this is a national project, I don't want it to fail.*

Tuan Pengerusi: Okey, Tan Sri. Apabila kita berbincang berkenaan dengan kehendak dan juga *the preference of* TLDM, katakan TLDM kata lebih sesuai untuk menggunakan sistem Sigma berbanding Gowind, badan mana dalam TLDM yang akan membuat keputusan-keputusan sebegini? *Of course, I think the* keputusan *wouldn't not be done by the* Panglima *himself*, tetapi ada satu badan. So, badan mana akan membuat semua keputusan dan mengangkat kesemua rekomendasi ini kepada pihak Menteri atau pun berbincang dengan pihak Boustead untuk kelulusan atau pun satu keputusan?

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Haji Jaafar: Saya telah nyatakan tadi, *the body* itu atau lembaga itu sekarang yang *to decide on that was Capability Management Board*, Lembaga Pengurusan Keupayaan TLDM.

Tuan Pengerusi: Lembaga...

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Haji Jaafar: Lembaga Pengurusan Keupayaan.

Tuan Pengerusi: ...Pengurusan Keupayaan TLDM.

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Haji Jaafar: Yes. Ia dianggotai oleh saya sebagai Pengerusi. Timbalan Pengerusinya ialah Timbalan Panglima Tentera Laut. Kemudian, Panglima Armada TLDM, AKS Logistik, AKS Kejuruteraan, AKS Perancangan Pembangunan, AKS Operasi dan ada satu sekretariat di bawah Bahagian Perancangan Pembangunan.

Tuan Pengerusi: Tan Sri, apa yang saya boleh rumuskan tadi adalah Tan Sri ada menyatakan bahawa dari segi sistemnya, reka bentuknya, Gowind tidak memenuhi kehendak TLDM, tetapi *on the other hand, Sigma yes. So, that is* nombor satu. Nombor dua, juga terdapat 17 *equipment* yang dicadangkan oleh TLDM tetapi hanya 10 sahaja yang dipersetujui pihak Kementerian. So, selain daripada kedua-dua...

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Haji Jaafar: Bukan Kementerian.

Tuan Pengerusi: Daripada siapa?

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Haji Jaafar: Boustead Naval Shipyard. Kementerian *was supporting us*. Kementerian dan Yang Berhormat Menteri menyokong pendirian Tentera Laut Diraja Malaysia.

Tuan Pengerusi: Okey. So, selain daripada dua isu besar ini, ada apa-apa isu lain yang mana Boustead telah pun *insisted* berkenaan dengan keputusan atau pun pendirian mereka dalam keseluruhan projek? *I mean, apart from the system itself, the big system, the main system*, reka bentuk dan *apart from the 17 equipment* yang mana 10 hanya

dipersetujui, tujuh lagi ikut pendirian dan keputusan Boustead, ada apa-apa isu lagi tak dengan Boustead dalam permulaan projek ini?

Laksamana Tan Sri Dato' Sri Dr. Abdul Aziz bin Haji Jaafar: Saya rasa isu yang berbangkit tentang projek itu adalah isu pemilihan peralatan dan pemilihan *shipyard*. Itu yang isu besar. Yang lain itu *all can be handled at our level*. Tak ada isu yang lain yang...

Tuan Pengerusi: So, tadi Tan Sri ada kata Tan Sri sudah hantar 10 surat dan satu surat kepada PM dan semua itu. Surat-surat itu, sekiranya boleh, boleh serahkan satu salinan kepada pihak Sekretariat PAC? Itu nombor satu. Nombor dua, kesemua surat itu adalah berkenaan dengan *the decision on the reka bentuk and also equipment or it talks about other things as well?*

